

DERADIKALISASI PEMIKIRAN MELALUI PENDIDIKAN ISLAM: MEMBENDUNG AL-JAHL DAN FAHAMAN EKSTREMIS

Deradicalization of Thought Through Islamic Education: Curbing of Al-Jahl and Extremism

*Ahmad Munawar Ismail¹, Amirul Anwar Mohamad Rasid¹

¹Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: munawar@ukm.edu.my

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
13-Mar-2025	17-Mar-2025	25-Apr-2025	29-Jun-2025

Abstrak

Ekstremisme agama sering berpunca daripada salah faham terhadap ajaran Islam, khususnya berkaitan konsep ilmu dan kejahilan. Dalam wacana klasik dan kontemporari, al-jahl bukan sekadar bererti ketiadaan ilmu, tetapi turut meliputi sikap menolak kebenaran, penyelewengan makna nas agama, dan kegagalan memahami realiti secara objektif. Keadaan ini mencetuskan kecenderungan melampau dalam berfikir dan bertindak, yang akhirnya menyumbang kepada proses radikalisasi dalam kalangan individu atau kumpulan. Kajian ini bertujuan untuk meneliti konsep al-jahl menurut perspektif Islam dan hubungannya dengan fenomena ekstremisme agama. Pendekatan kualitatif digunakan dengan metode analisis kandungan secara tematik, induktif dan deduktif terhadap ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis Nabi SAW dan pandangan ulama klasik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa al-jahl terbahagi kepada tiga bentuk utama iaitu, al-jahl al-basit (kejahilan sederhana), al-jahl al-murakkab (kejahilan kompleks), dan al-jahl bi al-sulūk (kejahilan dalam tingkah laku), yang kesemuanya berpotensi mencetuskan sikap ekstrem. Kajian turut mendapati bahawa kejahilan bukan sahaja bersifat pasif, tetapi boleh menjadi aktif apabila disertai penentangan terhadap kebenaran dan pemahaman yang selektif terhadap ajaran agama. Oleh itu, makalah ini menekankan peranan pendidikan Islam yang holistik dalam membendung pengaruh al-jahl melalui pemupukan pemikiran kritis, pembinaan jati diri intelektual, serta penghayatan prinsip wasatiyyah. Implikasinya, strategi deradikalisasi mesti dilaksanakan secara sistematik melalui kurikulum pendidikan Islam yang menyeluruh demi menjamin kestabilan dan keselamatan masyarakat.

Kata Kunci: Al-jahl, Ekstremisme Agama, Pendidikan Islam, Deradikalisasi, Wasatiyyah, Pemikiran Kritis, Ketahanan Intelektual.

Abstract

Religious extremism continues to pose significant challenges to contemporary Muslim societies, often arising from misinterpretations of Islamic teachings, particularly concerning the epistemological concept of al-jahl (ignorance). In Islamic tradition, al-jahl denotes more than a mere absence of knowledge; it encompasses deliberate rejection of truth, misapprehension of religious texts, and an inability to perceive reality through an objective and holistic lens. This study investigates the multidimensional nature of al-jahl and its implications for religious extremism through an Islamic educational lens. Using a qualitative content analysis method, employing thematic, inductive, and deductive approaches, this research analyses selected Quranic verses, Prophetic traditions, and classical scholarship. The findings identify three categories of al-jahl: simple ignorance, compound ignorance, and behavioural ignorance, all of which contribute to the development of extremist attitudes. The study further reveals that ignorance can

manifest in active forms, where individuals consciously resist truth and manipulate religious concepts to justify radical ideologies. In response, this paper underscores the critical role of holistic Islamic education in deradicalisation efforts. By promoting critical thinking, intellectual resilience, and internalising the value of wasatiyyah (moderation), Islamic education serves as a fundamental instrument in preventing the ideological roots of extremism. The study concludes by recommending the integration of comprehensive deradicalisation strategies within Islamic educational curricula to foster balanced, rational, and ethically grounded individuals capable of contributing to a peaceful and stable society.

Keywords: Al-jahl, Religious Extremism; Islamic Education; Deradicalisation; Wasatiyyah, Critical Thinking, Intellectual Resilience

1.0 PENGENALAN

Kejahilan (*al-jahl*) dalam Islam bukan sekadar merujuk kepada ketiadaan ilmu pengetahuan, tetapi turut mencerminkan sikap menolak kebenaran, salah faham terhadap ajaran agama, serta tindakan yang bercanggah dengan prinsip-prinsip syariat. Konsep ini dibincangkan secara meluas dalam al-Quran dan hadis, meliputi dimensi kejahilan akidah, moral, sosial, dan kenegaraan. Dalam kerangka hadis, istilah *jahil* membawa pelbagai konotasi negatif seperti kebodohan yang berleluasa, kekasaran lisan, dan penolakan terhadap autoriti yang sah, selagi tidak bertentangan dengan syariat Islam. Kekeliruan dalam memahami makna *jahil*, baik dari segi tersurat mahupun tersirat, sering kali mengakibatkan kesilapan tafsir yang memberi kesan kepada pembentukan pemikiran, sikap dan tingkah laku umat Islam. Lebih membimbangkan, kejahilan yang tidak ditangani boleh mencetuskan gejala yang lebih serius seperti penyimpangan pemikiran, pelanggaran hak dan tanggungjawab sebagai warganegara, pengabaian terhadap undang-undang syariah, serta terbukanya ruang kepada fahaman radikal dan ekstremis. Hal ini bukan sahaja menjejaskan integriti individu Muslim, tetapi juga memberi kesan langsung kepada keharmonian sosial dan kecekapan sistem pentadbiran negara. Justeru, pendidikan Islam memainkan peranan strategik sebagai mekanisme deradikalisasi dan pencegahan awal, dengan memperkasakan kefahaman agama yang sahih serta membina daya tahan intelektual dan spiritual masyarakat. Pendidikan Islam yang bersifat holistik mampu melahirkan umat yang berilmu, berakhlak dan berpemikiran sederhana (*wasatiyyah*), sekaligus menjadi benteng ampuh dalam menangkis kejahilan dan ancaman ekstremisme yang semakin mencabar landskap keagamaan dan kenegaraan masa kini.

Sehubungan itu, makalah ini bertujuan untuk mengkaji konsep al-jahl menurut perspektif Islam dengan merujuk kepada tafsiran ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang berkaitan. Analisis ini akan dimulakan dengan meneliti makna jahil dari sudut bahasa dan istilah, serta bagaimana para ulama mentafsirkan konsep tersebut berdasarkan karya-karya tafsir muktabar seperti Tafsir Fi Zilalil Quran, Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Munir, dan Tafsir al-Azhar. Objektif utama makalah ini adalah untuk mengupas konsep kejahilan dalam konteks Islam serta implikasi daripada tafsiran yang salah terhadap konsep ini yang boleh mengarah kepada penyimpangan pemikiran dan tindakan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip syariat Islam. Seterusnya, makalah ini akan membincangkan peranan pendidikan Islam sebagai strategi deradikalisasi yang efektif dalam menangani fahaman ekstremis yang berpunca daripada kejahilan terhadap ajaran agama. Dalam konteks ini, pendidikan Islam yang berlandaskan ilmu yang sahih dan prinsip-prinsip syariat berupaya memperkukuh pemahaman agama yang benar, serta membina daya tahan intelektual umat bagi menangani ancaman pemikiran radikal. Pendidikan Islam juga

memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran wasatiyyah dan keseimbangan dalam kalangan masyarakat, sekaligus membendung penyebaran ideologi yang sesat. Selain itu, makalah ini turut membincangkan secara ringkas al-jahl daripada perspektif Undang-Undang dan Keselamatan Negara, yang bertujuan untuk meneliti bagaimana kejahilan terhadap prinsip-prinsip syariat Islam dan pengabaian terhadap tanggungjawab sebagai warganegara boleh mengancam kestabilan sistem perundangan dan undang-undang negara. Kejahilan bukan sahaja memberi kesan terhadap pemahaman agama tetapi juga merosakkan integriti sosial dan memberi impak langsung kepada keselamatan negara. Dalam konteks ini, makalah ini bertujuan untuk mengupas hubungan antara al-jahl dan ketidakstabilan negara serta bagaimana pendidikan Islam boleh berperanan sebagai benteng yang kukuh dalam mengekalkan keharmonian masyarakat dan keselamatan negara. Jelasnya, makalah ini bertujuan untuk memperkukuh kefahaman mengenai bagaimana pendidikan Islam bukan sahaja mampu membendung al-jahl, tetapi juga mencegah penyebaran ideologi ekstremis, serta memastikan kestabilan dan keselamatan negara terpelihara melalui pemahaman yang benar terhadap agama dan prinsip-prinsip syariat Islam. Diharapkan penulisan ini memberi sumbangan ilmiah yang bermakna kepada pemeraksanaan pendidikan Islam dan pengukuhan pemikiran sederhana dalam kalangan umat Islam.

2.0 AL-JAHL, DERADIKALISASI PEMIKIRAN DAN PENDIDIKAN ISLAM

Deradikalisasi pemikiran melalui Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam membendung al-jahl dan fahaman ekstremis. Dalam kerangka pemikiran Islam, al-jahl tidak semata-mata merujuk kepada ketiadaan ilmu, tetapi turut mencakupi sikap menolak kebenaran, salah faham terhadap ajaran agama, serta tindakan yang bercanggah dengan prinsip syariat. Dalam tradisi keilmuan Islam, al-jahl sering dikaitkan dengan kecuaiian intelektual dan ketidakmampuan seseorang memahami realiti dengan tepat. Istilah ini digunakan dalam pelbagai dimensi, termasuk aspek akidah, pemikiran, moral, dan sosial.

Dari sudut bahasa, Ibn Faris mendefinisikan al-jahl dalam dua makna utama, iaitu pertama, sebagai lawan kepada 'ilm (ilmu); dan kedua, sebagai lawan kepada khiffah, yang bermaksud kecerobohan atau tindakan melulu. Sementara itu, Ibn Manzur menyatakan bahawa perkataan jahil membawa dua pengertian, iaitu ketiadaan ilmu dan lawan kepada khibrah, yang bermaksud pengalaman (Soleh ibn Abdullah, 2007). Dalam Kamus Dewan (2007), perkataan jahil didefinisikan dalam tiga aspek utama, iaitu tidak mengetahui ajaran Islam atau sesuatu perkara, bodoh, dan cetek pengetahuan.

Dari sudut istilah, al-Alusi (2009) berpandangan, al-jahiliyyah berasal daripada perkataan al-jahl, yang merujuk kepada individu yang enggan menerima kebenaran ilmu walaupun ia berada dalam jangkauan mereka. Beliau menegaskan bahawa sesiapa yang mengemukakan pendapat yang bertentangan dengan hakikat sebenar, sama ada secara sedar atau tidak, tergolong dalam kalangan orang yang jahil. Malah, seseorang yang mengamalkan perbuatan yang bercanggah dengan kebenaran juga dianggap jahil, meskipun dia menyedari kesalahan tersebut. Perspektif ini memperlihatkan bahawa kejahilan dalam Islam bukan sahaja bererti kekurangan ilmu, tetapi juga berkait rapat dengan sikap dan kecenderungan seseorang dalam menolak kebenaran. Al-Jurjani (2000) mendefinisikan al-jahl sebagai kepercayaan terhadap sesuatu yang bertentangan dengan hakikatnya. Beliau menjelaskan bahawa kejahilan tidak semata-mata bermaksud tidak mengetahui, tetapi ia merupakan satu keadaan di mana individu memiliki keyakinan

yang salah tentang sesuatu perkara. Dalam konteks ini, al-jahl terbahagi kepada dua kategori utama:

- a) Al-jahl al-Basīf, iaitu kejahilan sederhana yang merujuk kepada ketiadaan ilmu mengenai sesuatu perkara, namun individu tersebut menyedari kejahilannya.
- b) Al-jahl al-Murakkab, iaitu kejahilan kompleks di mana seseorang bukan sahaja tidak mengetahui sesuatu perkara, tetapi turut berpegang teguh kepada kefahaman yang salah tanpa menyedari kesilapannya.

Al-Raghib al-Asfahani (2017) pula membahagikan al-jahl kepada tiga bentuk utama:

- a) Al-jahl al-Basīf, iaitu kekosongan ilmu dalam diri seseorang yang menyedari kejahilannya. Kejahilan jenis ini tidak dianggap tercela selagi ia tidak membawa mudarat kepada orang lain.
- b) Al-jahl al-Murakkab, iaitu keyakinan terhadap sesuatu yang bertentangan dengan hakikat sebenar, iaitu kejahilan yang melibatkan individu yang mempercayai dan mempertahankan kebatilan seolah-olah ia satu kebenaran. Kejahilan ini dianggap tercela kerana bukan sahaja individu tersebut jahil, malah ia mempertahankan pandangannya tanpa menyedari kesalahannya.
- c) Al-jahl bi al-Suluk, iaitu kejahilan dalam tingkah laku, iaitu perbuatan yang bertentangan dengan ketetapan agama. Ia tidak semata-mata berpunca daripada kekurangan ilmu, tetapi juga daripada tindakan yang salah.

Konsep al-jahl dalam Islam turut ditegaskan dalam al-Quran, seperti dalam Surah al-Baqarah, ayat 67, di mana Allah berfirman yang bermaksud:

“...Mereka berkata: ‘Apakah kamu hendak menjadikan kami bahan ejekan?’
Musa menjawab: ‘Aku berlindung kepada Allah agar tidak menjadi salah seorang daripada orang-orang yang jahil...’”

Ayat ini menunjukkan bahawa perbuatan mengejek dan merendahkan kebenaran adalah manifestasi daripada sifat al-jahl, kerana ia mencerminkan ketidakwajaran sikap seseorang dalam berinteraksi dengan wahyu. Celaan terhadap kejahilan turut disebut dalam Surah al-A'raf, ayat 199 yang bermaksud:

“...Dan berpalinglah kamu daripada orang-orang yang jahil...”

Imam al-Qurthubi (2006) dalam tafsirannya berpendapat bahawa ayat ini merupakan gesaan kepada manusia untuk menuntut ilmu, memahami kebenaran, dan mengikat diri dengan ilmu. Pada masa yang sama, seseorang itu hendaklah berusaha menjauhkan diri daripada golongan yang berada dalam kezaliman serta mengelakkan perbahasan yang sia-sia dengan golongan sufaha' (orang yang tidak berakal).

Dari sudut strategi pendidikan, usaha deradikalisasi melalui Pendidikan Islam memerlukan pendekatan bersepadu yang melibatkan beberapa kaedah berikut (Al-Qardhawi 1990; Muhammad & Muhammad Riza Jalali 2016; Ahmad Munawar, et al. 2023).

- a) Pemantapan Akidah, iaitu usaha bersungguh-sungguh mengukuhkan kefahaman akidah Islam yang sahih agar individu memiliki ketahanan pemikiran dan tidak mudah terpengaruh dengan ideologi ekstremis.
- b) Pemikiran Kritis dan Analitikal, usaha bersungguh-sungguh melatih pelajar untuk berfikir secara kritis dan objektif, membolehkan mereka menilai

maklumat dengan cermat dan tidak menerima sebarang ideologi secara membuta tuli.

- c) Dialog dan Perbincangan Terbuka, iaitu inisiatif berterusan mengadakan wacana ilmu, forum, dan perbincangan antara guru, pelajar, dan pakar bagi menangani salah faham agama serta menyemai sikap hormat terhadap perbezaan pendapat.
- d) Kurikulum Bersepadu, iaitu usaha berterusan menggabungkan ilmu wahyu dan aqli secara menyeluruh dalam kurikulum pendidikan supaya pelajar memahami ajaran Islam secara holistik.
- e) Pembangunan Sahsiah, iaitu usaha semua pihak di pelbagai peringkat dengan memberi tumpuan kepada pembinaan akhlak dan disiplin diri agar pelajar bukan sahaja cerdas intelektual, tetapi juga memiliki integriti moral.

Kesimpulannya, konsep al-jahl sebagaimana dihuraikan oleh para ulama tidak terbatas kepada aspek intelektual semata-mata, malah turut merangkumi dimensi moral, akhlak, dan amalan. Kejahilan bukan sahaja mencetuskan penyimpangan dalam pemikiran individu, bahkan membawa implikasi yang lebih luas, termasuk perpecahan masyarakat, penyebaran fahaman ekstrem, dan kelemahan dalam memahami prinsip syariah. Oleh itu, usaha memerangi al-jahl menuntut komitmen yang teguh dalam memperkasa sistem pendidikan yang berteraskan disiplin ilmu yang sahih serta penghayatan agama yang mendalam. Secara praktikal, usaha menangani al-jahl melibatkan pelaksanaan program kesedaran di institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti, kolaborasi erat dengan badan berkuasa agama, serta penganjuran kempen media sosial yang mempromosikan mesej keamanan dan kesederhanaan. Pendidikan Islam berperanan sebagai benteng kukuh dalam mengekang al-jahl dan membanteras fahaman ekstremis demi memastikan kesejahteraan sosial dan kestabilan masyarakat.

3.0 AL-JAHL DAN IMPLIKASI DARI PERSPEKTIF AL-QURAN DAN HADIS

Al-Quran merupakan sebuah kitab suci yang keseluruhan kandungannya bersifat mukjizat. Setiap istilah atau lafaz yang digunakan dalam al-Quran mengandungi makna tersendiri yang bergantung kepada konteks dan subjek tertentu. Makna-makna ini seterusnya membentuk konsep, dan daripada konsep tersebut lahir pandangan tertentu. Memandangkan setiap individu Muslim wajib memahami agama Islam dengan sebaiknya serta memiliki pandangan yang tepat, maka terdapat keperluan untuk mengkaji makna bagi setiap istilah yang digunakan dalam al-Quran (Abdul Rahman, 2016).

Al-Quran turut mengemukakan pelbagai konsep dalam pelbagai konteks, termasuk dalam bidang pendidikan. Dalam konteks ini, antara konsep utama yang diketengahkan dalam al-Quran merangkumi tujuan pendidikan manusia, konsep individu yang terdidik dan tidak terdidik, serta langkah-langkah dalam proses pendidikan. Salah satu konsep mengenai individu yang tidak terdidik dalam al-Quran, menurut Abdul Rahman (2016), adalah lafaz *jahil*, yang mempunyai pelbagai variasi. Menurut M. Yusron dan Moh Zainuri (2021), perkataan *jahil* disebut dalam al-Quran sebanyak 24 kali dalam 17 surah yang berbeza melalui pelbagai bentuk kata, iaitu dalam bentuk kata nama (*isim*) dan kata kerja (*fi'il*). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 19 kali perkataan *jahil* disebut dalam bentuk *isim*, manakala lima kali dalam bentuk *fi'il*. Perincian mengenai aspek ini boleh dilihat seperti berikut Abdul Rahman (2016),

- a) Perkataan 'Jahiliyyah' di dalam bentuk 'masdar sina'i' yang dinyatakan sebanyak empat kali di dalam al-Quran iaitu di dalam surah al-Imran ayat 154, surah al-Ma'idah ayat 50, surah Al-Ahzab ayat 33 dan surah al-Fath ayat 26.
- b) Perkataan 'Jahalah' di dalam bentuk 'masdar' yang disebutkan sebanyak empat kali iaitu di dalam surah an-Nisa' ayat 17, surah al-An'am ayat 54, surah an-Nahl ayat 119 dan surah al-Hujurat ayat 6.
- c) Perkataan 'Jahula' di dalam bentuk 'sighah mubalaghah' yang hanya dinyatakan sekali sahaja iaitu di dalam surah al-Ahzab ayat 72.
- d) Perkataan 'al-Jahil' di dalam bentuk 'isim fa'il mufrad' yang juga hanya disebutkan sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu di dalam surah al-Baqarah ayat 273.
- e) Perkataan 'Jahilin' dan 'Jahilun' di dalam bentuk 'jama' muzakkar salim' yang dinyatakan sebanyak sembilan kali iaitu di dalam surah al-Baqarah ayat 67, surah al-An'am ayat 35, surah al-A'raf ayat 199, surah Hud ayat 46, surah Yusuf ayat 33 dan 89, surah al-Furqan ayat 63, surah az-Zumar ayat 64 dan surah Al-Qasas ayat 55.
- f) Perkataan 'Yajhalun' dan 'Tajhalun' di dalam bentuk 'fi'il mudhari'' disebutkan sebanyak lima kali iaitu di dalam surah Al-An'am ayat 111, surah al-A'raf ayat 138, surah Hud ayat 29, surah an-Naml ayat 55 dan surah al-Ahqaf ayat 23.

Berdasarkan enam variasi perkataan *jahil* yang telah dinyatakan, setiap bentuknya akan dijelaskan dengan merujuk kepada kitab tafsir yang muktabar seperti *Tafsir fi Zilalil Quran*, *Tafsir Ibn Kathir*, *Tafsir Al-Munir*, dan *Tafsir al-Azhar*. Rujukan kepada kitab-kitab ini bertujuan memberikan penjelasan yang lebih mendalam mengenai maksud setiap variasi perkataan *jahil* dalam ayat-ayat al-Quran serta konteks penggunaannya. Selain itu, tafsiran yang diberikan akan berpandukan kepada pendekatan yang diakui dalam disiplin ilmu tafsir.

Variasi perkataan jahil yang pertama ialah perkataan jahil di dalam bentuk 'masdar sina'i' iaitu perkataan 'Jahiliyyah'. Bentuk variasi perkataan ini terdapat di dalam surah al-Ahzab ayat 33 yang bermaksud,

"...Dan hendaklah kamu tetap di rumah-rumahmu dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang Jahiliyyah zaman dahulu, dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan dari kamu - wahai Ahlul Bait - dan hendak membersihkan kamu mu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang dikeji)..."

Menurut (Al-Zuhaily 2003), lafaz jahil di dalam ayat ini ditafsirkan sebagai orang-orang jahiliyyah terdahulu sebelum datangnya Islam. Menurut (Shihab 2002), lafaz jahil di dalam ayat ini merujuk kepada masa sebelum datangnya Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW yang selama pada masa itu masyarakatnya mengabaikan tuntutan Ilahi. (Al-Jazairi 2007) turut menyatakan perkara yang sama seperti ahli-ahli tafsir yang lain iaitu dengan mentafsirkan lafaz jahil di dalam ayat ini sebagai zaman sebelum datangnya Islam yang disebutkan sebagai zaman jahiliyyah. (Hamka 2013) pula mentafsirkan lafaz jahil di dalam ayat ini sebagai masa sebelum munculnya Islam iaitu zaman jahiliyyah. Menurut (Ath-Thabari 2008), lafaz jahil di dalam ayat ini mempunyai banyak pendapat dan ditafsirkan kepada banyak zaman dan dan antaranya iaalh di antara Nabi Adam dengan Nabi Nuh, antara Nabi Idris dengan Nabi Nuh dan antara Nabi Isa dengan Nabi Muhammad SAW.

Namun (Ath-Thabari 2008) berpendapat pendapat yang benar yang berdasarkan kepada makna tekstual ayat ialah di antara Nabi Adam dengan Nabi Nuh. Kesimpulannya, ulama'-ulama' mentafsirkan perkataan jahil di dalam ayat ini sebagai masa iaitu zaman terdahulu sebelum datangnya Islam.

Berdasarkan pelbagai tafsiran ulama, dapat disimpulkan bahawa lafaz *jahil* dalam ayat ini merujuk kepada suatu zaman tertentu sebelum kedatangan Islam, yang dikenali sebagai zaman jahiliyyah. Majoriti ulama seperti Al-Zuhaily (2003), Shihab (2002), Al-Jazairi (2007), dan Hamka (2013) mentafsirkan *jahil* sebagai era sebelum Islam yang ditandai dengan kejahilan terhadap tuntutan Ilahi. Sementara itu, Ath-Thabari (2008) mengaitkan istilah ini dengan beberapa tempoh dalam sejarah manusia, termasuk zaman antara Nabi Adam dan Nabi Nuh. Walaupun terdapat pelbagai pandangan mengenai skop zaman jahiliyyah, secara umum, para ulama sepakat bahawa istilah *jahil* dalam ayat ini merujuk kepada suatu tempoh di mana manusia hidup tanpa petunjuk wahyu yang benar sebelum Islam dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.

Variasi perkataan jahil yang kedua ialah perkataan jahil di dalam bentuk 'masdar' iaitu perkataan *Jahalah*. Bentuk perkataan ini terdapat di dalam surah an-Nisa' ayat 17 yang bermaksud,

"...Sesungguhnya penerimaan taubat itu disanggup oleh Allah hanyalah bagi orang-orang yang melakukan kejahatan disebabkan (sifat) kejahilan (Jahalah) kemudian mereka segera, maka (dengan adanya dua sebab itu) mereka diterima Allah taubatnya; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana..."

Menurut (Shihab 2002), lafaz jahil di sini bukan bermaksud bodoh atau tidak mengetahui. Hal ini kerana, sesiapa yang membuat perbuatan yang berdosa tetapi pada masa yang sama tidak tahu perbuatan tersebut adalah dosa, maka, pada hakikatnya tidak dinilai Allah sebagai berdosa. Beliau (Shihab 2002) menyatakan lagi bahawa lafaz jahil di dalam ayat ini ditafsirkan sebagai orang yang melakukan perbuatan berdosa dan mengetahui bahawa perbuatan tersebut adalah berdosa akibat daripada dua perkara iaitu kelemahan akal sehingga tidak sedar akan kesan buruk kejahatan dan kelemahan dalam tindakan sehingga seseorang itu tidak bergerak untuk meninggalkan tempat kejahatan itu atau perbuatan jahat itu sendiri.

Menurut (Ibnu Kathir 1988), lafaz jahil di dalam ayat ini ditafsirkan sebagai bodoh dan orang yang bodoh di dalam ayat ini ialah orang yang bermaksiat kepada Allah samada dengan sengaja atau pun sebaliknya akibat daripada kekeliruan. Menurut (As-Syaukani 2009), beliau mentafsirkan lafaz jahil dalam ayat ini sebagai kesengajaan. (Al-Qurthubi 2008) mentafsirkan lafaz jahil di dalam ayat ini sebagai sifat orang yang membuat pelbagai jenis maksiat yang merangkumi semua bentuk kufur sehingga seseorang itu meninggalkan perbuatannya. (Ath-Thabari 2008) pula mentafsirkan lafaz jahil di dalam ayat ini sebagai tiga perkara iaitu orang yang membuat kejahatan dalam keadaan yang tidak tahu namun tidak tahu perbuatan tersebut berdosa, orang yang membuat perbuatan dosa namun tahu perbuatan tersebut adalah berdosa dan orang yang melakukan maksiat dengan sengaja. (Hamka 2013) pula mentafsirkan lafaz jahil di dalam ayat ini sebagai orang yang tahu perbuatan itu adalah jahat dan berdosa namun disebabkan oleh dorongan nafsunya, maka, seseorang itu membuat kejahatan tersebut. (Al-Zuhaily 2003) turut menyatakan perkara yang sama seperti (Shihab 2002) iaitu lafaz jahil di dalam ayat ini bukan ditafsirkan sebagai tidak tahu namun adalah sikap tidak mampu mengawal, kurang kesedaran iaitu tidak melakukan sesuatu perbuatan yang tidak pantas seperti yang dilakukn oleh orang yang berakal iaitu ketika sedang memuncaknya syahwat atau marah dan emosi. Kesimpulannya, ulama'-ulama'

mentafsirkan perkataan jahil di dalam ayat ini sebagai dua perkara iaitu tidak tahu iaitu seorang yang membuat dosa dalam keadaan yang tidak tahu yang perbuatan tersebut adalah berdosa dan seorang yang membuat dosa namun tahu perbuatan tersebut adalah berdosa.

Berdasarkan pelbagai tafsiran ulama mengenai lafaz jahil dalam ayat ini, dapat disimpulkan bahawa konsep jahil tidak hanya merujuk kepada ketidaktahuan semata-mata, tetapi juga merangkumi aspek kesengajaan dalam melakukan dosa. Para ulama membahagikan maksud jahil kepada dua kategori utama. Pertama, jahil dalam konteks seseorang yang melakukan dosa kerana tidak mengetahui bahawa perbuatan tersebut adalah berdosa. Kedua, jahil dalam bentuk kesengajaan, iaitu seseorang yang sedar akan kesalahan perbuatannya tetapi tetap melakukannya disebabkan kelemahan akal, dorongan nafsu, atau ketidakmampuan mengawal diri ketika dikuasai emosi. Oleh itu, tafsiran mengenai jahil dalam ayat ini bukan hanya berfokus pada aspek intelektual semata-mata, tetapi turut melibatkan dimensi psikologi dan moral individu dalam menentukan tindakannya.

Variasi perkataan jahil yang ketiga ialah perkataan jahil di dalam bentuk '*sighah mubalaghah*' iaitu '*Jahula*'. Bentuk variasi perkataan ini terdapat di dalam surah al-Ahzab ayat 72 yang bermaksud,

"...Sesungguhnya Kami telah mengemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan untuk memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah!), sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan (Jahula) suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan..."

Menurut al-Zuhaily (2003), lafaz *jahil* dalam ayat ini merujuk kepada fitrah manusia yang tidak mencapai tahap pengenalan sebenar terhadap Tuhannya sebagaimana yang sewajarnya. Beliau juga menegaskan bahawa *jahil* dalam konteks ini mencerminkan sifat tipikal manusia yang cenderung kepada kejahilan. Sementara itu, Sayyid Quthb (1992) mentafsirkan *jahil* dalam ayat ini sebagai keadaan manusia yang memiliki keterbatasan dalam memahami hakikat ketuhanan secara mendalam. Beliau turut menjelaskan bahawa lafaz ini digunakan dalam bentuk kiasan, sebagaimana yang terdapat dalam surah Yusuf ayat 82 yang bermaksud,

"...Dan bertanyalah kepada penduduk negeri (Mesir) tempat kami tinggal (berdagang) dan kepada orang-orang kafilah yang kami balik besertanya. Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar..."

Dalam pandangan yang seiring, al-Jazairi (2007) menafsirkan *jahil* sebagai manifestasi keterbatasan manusia dalam memahami implikasi serta risiko yang datang bersama pemikulannya terhadap amanat ilahi. Ath-Thabari (2008) pula menegaskan bahawa *jahil* dalam ayat ini merujuk kepada kelemahan manusia dalam memahami hak dan tanggungjawabnya terhadap amanat Allah SWT, serta kejahilan dalam menilai hubungan antara dirinya dan Tuhan yang mencerminkan kecacatan kefahaman terhadap tanggungjawab spiritual dan moral.

Kesimpulannya, para ulama berpandangan bahawa lafaz *jahil* dalam ayat ini membawa konotasi kelemahan intelektual dan spiritual manusia dalam memahami serta menghayati implikasi tanggungjawab terhadap amanat Allah SWT. Ia bukan sekadar merujuk kepada ketidaktahuan, tetapi juga kepada kealpaan serta

kecuiaan dalam menunaikan amanah yang diberikan, sekali gus mencerminkan keterbatasan manusia dalam menguruskan hubungan dengan Tuhan dan makna tanggungjawab yang dipikulnya.

Variasi perkataan jahil dalam bentuk '*isim fa'il mufrad*' iaitu perkataan '*al-Jahil*'. Bentuk variasi perkataan ini terdapat di dalam Surah Al-Baqarah ayat 273 yang bermaksud,

"...(Pemberian sedekah itu), ialah bagi orang-orang fakir miskin yang telah menentukan dirinya (dengan menjalankan khidmat atau berjuang) pada jalan Allah (membela Islam), yang tidak berupaya mengembara di muka bumi (untuk berniaga dan sebagainya); mereka itu disangka: orang kaya – orang yang tidak mengetahui halnya, kerana mereka menahan diri daripada meminta-minta. Engkau kenal mereka dengan (melihat) sifat-sifat dan keadaan masing-masing, mereka tidak meminta kepada orang ramai dengan mendesak-desak. Dan (ketahuilah), apa jua yang kamu belanjakan dari halal yang halal maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahuinya..."

Menurut Sayyid Quthb (1992), lafaz *jahil* dalam ayat ini merujuk kepada sifat individu yang tidak memahami keadaan sebenar golongan miskin dari kalangan Muhajirin, yang dengan sengaja menahan diri mereka daripada meminta bantuan serta enggan menunjukkan kemiskinan mereka kepada orang lain. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibnu Kathir (1988), lafaz *jahil* digunakan untuk menggambarkan sikap masyarakat yang tidak mengetahui keadaan sebenar golongan miskin di kalangan Muhajirin, yang dianggap sebagai kaya disebabkan oleh amalan mereka yang menjaga kehormatan diri (sifat *iffah*), termasuk dalam aspek pakaian, tingkah laku, dan perkataan. Dalam pada itu, tafsiran ini turut dipersetujui oleh Ath-Thabari (2008), yang memberikan maksud yang serupa terhadap perkataan *jahil* dalam ayat ini. Hamka (2013) juga mengemukakan tafsiran yang hampir sama dengan Ath-Thabari (2008), menunjukkan kesepakatan dalam pemahaman mengenai perkataan *jahil* tersebut. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa para ulama sependapat dalam mentafsirkan perkataan *jahil* dalam ayat ini sebagai sikap masyarakat yang tidak mengetahui keadaan sebenar golongan miskin di kalangan Muhajirin, yang disebabkan oleh amalan mereka dalam menjaga kehormatan diri dan menahan diri dari meminta bantuan.

Variasi perkataan jahil dalam bentuk '*jama' muzakkar salim*' iaitu '*Jahilun*'. Bentuk variasi perkataan ini terdapat di dalam Surah Az-Zumar ayat 64 yang bermaksud,

"...Katakanlah (wahai Muhammad, kepada orang-orang musyrik itu: "Sesudah jelas dalil-dalil keesaan Allah yang demikian), patutkah kamu menyuruhku menyembah atau memuja yang lain dari Allah, hai orang-orang yang jahil?..."

Menurut Ibnu Kathir (1988), melalui riwayat Ibnu Abbas R.A, salah satu bentuk kebodohan orang-orang Musyrik adalah permintaan mereka kepada Nabi SAW untuk menyembah tuhan-tuhan mereka, serta menginginkan Nabi SAW untuk turut menyembah tuhan-tuhan mereka bersama dengan menyembah Allah. Al-Jazairi (2007) pula menegaskan bahawa ayat ini merupakan bantahan terhadap permintaan golongan Musyrik yang menghendaki Baginda SAW mengiktiraf tuhan-tuhan mereka, dan sekiranya Baginda SAW menerima pengiktirafan tersebut, mereka akan mengakui apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Al-Jazairi (2007) seterusnya menjelaskan bahawa lafaz *jahil* dalam ayat ini ditafsirkan sebagai celaan terhadap permintaan golongan Musyrik yang ingin Nabi SAW mensyirikkan Allah. Shihab (2002) pula mentafsirkan perkataan *Al-Jahilun*, bentuk jamak dari *Al-Jahil*, sebagai merujuk

kepada dua makna, iaitu ketidaktahuan dan tingkah laku seseorang yang hilang kawalan terhadap dirinya, yang akhirnya menyebabkan mereka melakukan perbuatan yang tidak wajar akibat dorongan hawa nafsu, kepentingan peribadi, dan pandangan yang sempit. Istilah ini, menurut Shihab (2002), juga merujuk kepada pengabaian terhadap nilai-nilai ajaran Tuhan. al-Zuhaily (2003) menambah bahawa lafaz *jahil* dalam ayat ini merupakan arahan daripada Allah SWT kepada Nabi SAW untuk mencela golongan Musyrik yang mengajak Baginda menyembah selain daripada Allah SWT. Secara keseluruhannya, para ulama sependapat dalam mentafsirkan perkataan *jahil* dalam ayat ini sebagai suatu bentuk celaan terhadap tindakan golongan Musyrik yang mengajak Nabi Muhammad SAW untuk mensyirikkan Allah.

Variasi perkataan jahil dalam bentuk '*fi'il mudhari'*' iaitu '*Yajhalun*'. Bentuk variasi perkataan ini terdapat di dalam Surah al-An'am ayat 111 yang bermaksud,

"...Dan jika Kami turunkan malaikat pun kepada mereka, dan orang-orang yang mati (hidup semula lalu) berkata-kata dengan mereka, dan kami himpulkan pula tiap-tiap sesuatu di hadapan mereka (untuk menjadi saksi tentang kebenaran Nabi Muhammad), nescaya mereka tidak juga akan beriman, kecuali jika dikehendaki Allah; tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenar) (*Yajhalun*)..."

Berdasarkan pandangan Ibnu Kathir (1988), ayat ini membincangkan bahawa petunjuk atau hidayah sepenuhnya adalah hak mutlak Allah SWT, yang tidak bergantung kepada kehendak golongan Musyrik yang telah bersumpah dengan menyebut nama Allah. Allah memberikan hidayah kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya, dan menyesatkan sesiapa sahaja yang ditentukan-Nya. Al-Zuhaily (2003) menjelaskan bahawa golongan Musyrik yang dimaksudkan merujuk kepada segelintir orang kafir Mekah dan pembesar-pembesar mereka yang menemui Rasulullah SAW untuk meminta bukti kerasulan Baginda melalui pengemukaan mukjizat. Permintaan ini menggambarkan sikap golongan tersebut yang mengutamakan bukti fizikal berbanding penerimaan secara spiritual terhadap wahyu yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Ibnu 'Abbas (2011) menafsirkan lafaz *jahil* pada akhir ayat ini sebagai merujuk kepada kebanyakan golongan Musyrik yang tidak menyedari bahawa Nabi Muhammad SAW dan Al-Quran adalah kebenaran yang datang daripada Allah. Kejahilan ini menunjukkan penolakan mereka terhadap wahyu yang telah diturunkan. As-Syaukani (2009) pula menjelaskan bahawa golongan ini tidak mengetahui kebenaran kerana kejahilan yang membatasi mereka daripada memperoleh pengetahuan yang benar dan mencegah mereka daripada mencapai pemahaman yang hakiki mengenai Islam. Al-Qurthubi (2008) menafsirkan *jahil* sebagai ketidaktahuan terhadap kebenaran, yang menggambarkan kegagalan golongan Musyrik untuk mengenali hakikat sebenar Islam.

Al-Jazairi (2007) memberi tafsiran lebih mendalam dengan menegaskan bahawa perkataan *jahil* dalam bentuk '*fi'il mudhari'*' menunjukkan ketidaktahuan mengenai kebesaran, kekuasaan, aturan, dan kebijaksanaan Allah SWT. Beliau juga menambah bahawa kebanyakan orang Musyrik tidak menyedari bahawa hidayah terletak sepenuhnya di tangan Allah, bukan pada berhala-berhala yang mereka sembah. Mereka beranggapan bahawa mereka hanya akan beriman jika dapat menyaksikan mukjizat-mukjizat secara langsung. Namun, dalam sejarah Islam, dapat dilihat bahawa meskipun mukjizat ditunjukkan, golongan tersebut tetap menolak kebenaran, yang menunjukkan bahawa hidayah tidak semata-mata bergantung kepada bukti fizikal. Hamka (2013) pula menafsirkan lafaz *jahil* sebagai merujuk kepada sifat kebanyakan orang Musyrik Mekah yang tidak mengetahui, bodoh, dan tidak memperhatikan sunnatullah, seperti kejadian alam semesta yang jelas

menunjukkan kekuasaan Allah, contohnya peredaran matahari dan bulan. Hamka menegaskan bahawa mukjizat bukanlah penentu utama untuk menanamkan iman dalam hati orang kafir; sebaliknya, ia bergantung kepada kesiapan hati untuk menerima kebenaran. Walaupun mukjizat seperti Israk dan Mikraj berlaku di hadapan mereka, sebahagian golongan Musyrik tetap menolak kebenaran disebabkan oleh kejahilan dan keangkuhan mereka. Secara keseluruhannya, para ulama sepakat dalam mentafsirkan perkataan *jahil* dalam ayat ini sebagai merujuk kepada golongan Musyrik yang tidak mengetahui bahawa hidayah itu adalah hak mutlak Allah SWT, dan bukan hasil daripada melihat mukjizat-mukjizat yang mereka tuntutan. Kejahilan mereka bukan sahaja disebabkan oleh ketidaktahuan, tetapi juga oleh penolakan terhadap kebenaran yang telah disampaikan kepada mereka.

Kesimpulannya, para ulama sepakat dalam mentafsirkan perkataan "jahil" dalam ayat ini sebagai sifat golongan Musyrik yang tidak mengetahui bahawa hidayah itu bergantung sepenuhnya kepada kehendak Allah, dan bukan hasil daripada melihat mukjizat-mukjizat tersebut. Kejahilan mereka yang berterusan bukan sahaja berakar umbi dalam ketidaktahuan, tetapi juga dalam penolakan terhadap kebenaran yang telah disampaikan. Ini mencerminkan realiti sosial dan keagamaan pada zaman tersebut, di mana ketidakmampuan untuk menerima petunjuk Allah merupakan hasil daripada kesombongan dan kecenderungan mereka terhadap pemahaman yang sempit serta keinginan untuk menguji dan mendominasi wahyu dengan bukti fizikal yang mereka kehendaki.

Berdasarkan tafsiran yang dikemukakan oleh para ulama tafsir, kesimpulan yang dapat diambil mengenai variasi perkataan "jahil" dalam al-Quran menunjukkan perbezaan dalam makna dan tafsiran perkataan tersebut, bergantung kepada konteks dan penggunaannya. Secara umumnya, terdapat dua kategori utama variasi perkataan "jahil" yang membawa kepada tafsiran yang sama dan berbeza. Pertama, perkataan "jahil" yang membawa maksud serupa, antaranya merujuk kepada ketidakpengetahuan atau kebodohan. Beberapa contoh perkataan yang menggambarkan makna ini termasuklah "Jahalah" dalam Surah An-Nisa' ayat 17, "Jahula" dalam Surah Al-Ahzab ayat 72, "al-Jahil" dalam Surah al-Baqarah ayat 273, dan "Yajhalun" dalam Surah al-An'am ayat 111. Kesemua perkataan ini merujuk kepada keadaan ketidaktahuan atau kebodohan dalam pelbagai konteks. Kedua, terdapat perkataan "jahil" yang membawa kepada tafsiran yang berbeza, antaranya "Jahiliyyah" yang digunakan dalam Surah Al-Ahzab ayat 33, yang merujuk kepada zaman sebelum kedatangan Islam, iaitu suatu tempoh yang dianggap sebagai zaman kebodohan dan kesesatan. Begitu juga dengan penggunaan perkataan "Jahilun" dalam Surah Az-Zumar ayat 64 yang lebih dilihat sebagai bentuk celaan terhadap sifat kebodohan atau kejahilan seseorang. Selain itu, terdapat juga satu variasi perkataan "jahil" yang membawa kepada dua tafsiran berbeza, iaitu perkataan "Jahalah" dalam Surah An-Nisa' ayat 17. Dalam ayat ini, perkataan tersebut ditafsirkan dengan dua makna, iaitu pertama sebagai ketidaktahuan atau kebodohan, dan kedua sebagai pengetahuan terhadap sesuatu perkara, namun seseorang itu tetap melakukan kejahatan atau dosa walaupun mengetahui akibatnya.

Secara keseluruhannya, variasi penggunaan perkataan "jahil" dalam al-Quran menekankan pelbagai aspek kebodohan, sama ada berupa ketidaktahuan, kesesatan dalam masyarakat, atau tindakan yang tetap dilakukan walaupun sudah mengetahui akibat buruknya. Pemahaman yang lebih mendalam tentang tafsiran ini membantu kita memahami bagaimana al-Quran menggambarkan kebodohan dalam pelbagai konteks. Dari perspektif pendidikan Islam, kajian ini memberi kesedaran kepada umat Islam akan pentingnya ilmu pengetahuan sebagai benteng daripada kejahilan dan kesesatan. Justeru, pendidikan Islam berperanan bukan

sahaja untuk memperkayakan ilmu, tetapi juga untuk membentuk akhlak dan iman agar setiap individu mampu mengenal kebenaran, menghayati wahyu, dan mengamalkan ajaran Islam secara holistik. Keinsafan ini mendorong masyarakat untuk menjauhi sikap sombong dan keras hati serta berusaha mencari petunjuk Allah dalam setiap aspek kehidupan.

Lafaz serta variasi konsep dan istilah *jahil* yang terkandung dalam al-Quran turut disebut, dihuraikan, dan dibincangkan dalam beberapa hadis, yang menjelaskan bahawa kebodohan berpotensi mengarah kepada kesesatan, manakala ilmu dianggap sebagai kunci utama dalam mencapai petunjuk dan keselamatan. Lafaz *jahil* dalam hadis Nabi Muhammad SAW memiliki pelbagai makna yang lebih mendalam dan meluas, yang tidak sekadar merujuk kepada kekurangan atau ketiadaan ilmu pengetahuan. Istilah ini sering digunakan untuk menggambarkan sikap, pemikiran, atau tindakan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam, seperti perlakuan melampaui batas, sikap emosional tanpa pertimbangan, atau pemikiran yang tidak rasional. Dalam beberapa hadis, *jahil* juga merujuk kepada akhlak yang tercela, seperti kecenderungan untuk bertengkar, kesombongan, atau ketidakmampuan untuk mengawal diri. Selain itu, lafaz ini turut menggambarkan keadaan masyarakat pada zaman sebelum kedatangan Islam, iaitu zaman Jahiliah, yang dikenali dengan budaya dan amalan yang tidak berpandukan syariat. Oleh yang demikian, untuk memahami maksud *jahil* dalam konteks hadis, ia memerlukan penelitian yang teliti terhadap konteks penggunaannya serta merujuk kepada penafsiran ulama, kerana maknanya tidak hanya berkait dengan ilmu, tetapi juga akhlak, adab, dan cara berfikir seseorang. Antara hadis yang menghuraikan hal ini termasuklah hadis yang diriwayatkan daripada 'Imraan bin Maisarah telah menyampaikan kepada kami, ia berkata dari Abu At-Tayyaah, dari Anas bin Malik R.A, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ يُرْفَعَ الْعِلْمُ وَيَثْبِتَ الْجَهْلُ وَيَشْرَبَ الْخَمْرُ وَيُظْهَرَ الزُّنَا

(Bukhari, Sahih al-Bukhari, hadith ke-80, Kitab: al-Ilmu. Bab: Raf'il Ilmi wa Zuhuril Jahl, status hadith sahih)

Maksudnya: "...Sesungguhnya, di antara tanda-tanda kiamat adalah diangkatnya ilmu dan berlakunya kejahilan dan arak diminum serta berlakunya pezinaan secara terang-terangan..."

Menurut Muhammad (2010), lafaz *jahil* dalam hadis ini ditafsirkan sebagai kebodohan yang merujuk kepada bermaharajalelanya ketidaktahuan disebabkan oleh hilangnya ilmu. Dalam konteks ini, kebodohan tidak hanya melibatkan ketiadaan pengetahuan, tetapi juga berhubung dengan keadaan di mana ilmu tidak lagi dihargai atau disebarkan, menyebabkan masyarakat terjerumus ke dalam kebingungan dan kesesatan. Ini menunjukkan betapa pentingnya ilmu sebagai asas pembinaan tamadun dan kemajuan umat. Selain itu, menurut Ibnu Hajar (1988), hadis ini menjelaskan bahawa pengangkatan ilmu merupakan salah satu tanda yang jelas tentang kedatangan hari kiamat. Dalam konteks ini, hilangnya ilmu di kalangan umat Islam, khususnya dengan kematian para ulama, merupakan isyarat bahawa masyarakat akan mengalami kesulitan dalam mencari kebenaran dan menghadapi fitnah, yang membawa kepada kerosakan akidah dan perpecahan. Hadis ini juga memberi peringatan agar umat Islam terus berusaha untuk menuntut ilmu dan menghargainya sebagai satu amanah yang akan memberi manfaat dalam kehidupan dunia dan akhirat.

Terdapat sebuah hadis lain yang menjelaskan bahawa kejahilan merupakan punca kepada kesesatan. Hadis ini diriwayatkan oleh Ismail bin Abi Uwais, yang berkata: "Malik telah menceritakan kepadaku daripada Hisyam bin Urwah, daripada

ayahnya, daripada Abdullah bin Amru bin al-As ra, yang mengatakan bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ أَنْتَرَاعًا، يَنْتَزِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ، وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ،
حَتَّى إِذَا لَمْ يَبْقَ عَالِمًا، اتَّخَذَ النَّاسُ رِءُوسًا جَهَالًا فَسُئِلُوا، فَأَفْتَوْا بِغَيْرِ عِلْمٍ، فَضَلُّوا
وَأَضَلُّوا

(Muslim, Sahih Muslim, Hadith ke-2673, Kitab: al-Ilmu. Bab: Raf'il Illmi Wa Qabdihi aa Zuhuril Jahl Wal Fitan Fi Akhiriz Zaman, status hadith sahih)

Maksudnya: "...Sesungguhnya Allah SWT tidak menghapus ilmu pengetahuan dengan cara mengambil sekaligus daripada hamba- hamba-Nya. Tetapi Allah SWT menghapus ilmu pengetahuan itu dengan kematian ulama sehingga tiada lagi orang yang alim. Ketika itu orang ramai melantik ketua-ketua mereka dari kalangan orang yang jahil dan apabila mereka ditanya mereka memberi fatwa dengan sewenang-wenangnya tanpa berpandukan ilmu pengetahuan. Maka mereka sesat lagi menyesatkan..."

Menurut An-Nawawi (2013), hadis ini menerangkan tentang bagaimana Allah SWT menghapuskan ilmu agama di muka bumi. Penghapusan ini bukanlah dengan cara menghilangkan ilmu dari akal fikiran dan hati-hati para pemilik ilmu, tetapi melalui pencabutan nyawa mereka, yang menyebabkan ilmu yang mereka miliki turut lenyap bersama mereka. Dalam keadaan ini, umat manusia kemudiannya menjadikan orang-orang yang bodoh sebagai hakim dalam menyelesaikan masalah, yang akhirnya menyebabkan mereka sendiri sesat dan menyesatkan orang lain. Oleh itu, lafaz *jahil* dalam hadis ini merujuk kepada sifat kebodohan manusia, di mana mereka tidak memiliki pengetahuan yang benar dan tidak mampu membuat keputusan yang tepat. Kejadian ini menjadi peringatan agar umat Islam sentiasa berusaha untuk menuntut ilmu dan menjaga kelangsungannya agar tidak kehilangan petunjuk yang benar dalam kehidupan.

Hadis seterusnya berkaitan dengan jahil ialah daripada Buraidah bin al-Hashib R.A, bahawa Nabi SAW bersabda:

الْقُضَاةُ ثَلَاثَةٌ: وَاحِدٌ فِي الْجَنَّةِ، وَاثْنَانِ فِي النَّارِ، فَأَمَّا الَّذِي فِي الْجَنَّةِ فَرَجُلٌ عَرَفَ الْحَقَّ
فَقَضَى بِهِ، وَرَجُلٌ عَرَفَ الْحَقَّ فَجَارَ فِي الْحُكْمِ، فَهُوَ فِي النَّارِ، وَرَجُلٌ قَضَى لِلنَّاسِ
عَلَى جَهْلٍ فَهُوَ فِي النَّارِ

(Abu Daud, Sunan Abi Daud, Hadith ke-3573, Kitab: Al-Aqdiyah. Bab: Fi Thalabil Qadha'i, status hadith sahih)

Maksudnya: "...Para Qadhi terbahagi kepada tiga golongan: satu dalam syurga dan dua dalam neraka. Qadhi di dalam syurga ialah yang mengetahui kebenaran lalu menghukum dengannya. Qadhi mengetahui kebenaran lalu menzalimi dalam menghukum maka dia dalam neraka. Qadhi yang menghukum antara manusia dalam keadaan jahil pula, dia juga dalam neraka...."

Menurut Abu Ath-Thayib Muhammad Syamsul Haq Al-Azhim (2007), lafaz *jahil* dalam hadis ini ditafsirkan sebagai ketidaktahuan atau kebodohan. Beliau menegaskan bahawa sesiapa yang mengambil keputusan atau berhukum dalam keadaan *jahil* akan dijauhkan dari kebenaran dan berpotensi untuk terjerumus ke dalam neraka. Bahkan, beliau turut menambah bahawa jika seseorang berhukum dalam keadaan *jahil* dan keputusannya ternyata bertepatan dengan kebenaran,

namun dia masih berada dalam keadaan *jahil* dalam proses penghakiman tersebut, maka dia tetap berisiko menghadapi ancaman kerana berhukum dengan kebodohan atau bertentangan dengan kebenaran yang sepatutnya dia ketahui. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya ilmu dalam membuat keputusan yang adil dan benar, serta mengingatkan kita bahawa kebodohan dalam berhukum boleh mendatangkan akibat yang buruk, baik di dunia mahupun di akhirat. Hadis seterusnya yang mempunyai lafaz *jahil* di dalam teks hadis ialah,

عَنْ الْأَعْرَجِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ — رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ — أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " الصَّيَامُ جَنَّةٌ، فَلَا يَرِفُثُ وَلَا يَجْهَلُ، وَإِنْ أَمْرٌ قَاتَلَهُ أَوْ شَاتَمَهُ فَلْيَقُلْ إِنِّي صَائِمٌ. مَرَّتَيْنِ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَخُلُوفُ فَمِ الصَّائِمِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ تَعَالَى مِنْ رِيحِ الْمَسْكَ، يَتْرُكُ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ وَشَهْوَتَهُ مِنْ أَجْلِي، الصَّيَامُ لِي، وَأَنَا أَجْزِي بِهِ، وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَلِهَا

(Bukhari, Riwayat Al-Bukhari, Hadith ke-1894, Kitab: As-Saum. Bab: Fadlis Saum, status hadith sahih)

Maksudnya: "...Dari Al-A'raj, dari Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Puasa itu adalah merupakan perisai. Oleh itu, janganlah berkata keji dan jangan juga bertelingkah laku (seperti orang) jahil. Sekiranya ada seseorang membawanya berbunuhan atau mencelanya, maka katakanlah, "Sesungguhnya aku berpuasa." - sebanyak dua kali.- Demi Dia (Allah) yang jiwaku berada di tangan-Nya, bau mulut orang yang berpuasa lebih baik di sisi Allah SWT daripada aroma minyak kasturi. (Firman Allah SWT) Dia meninggalkan makan, minum dan syahwatnya disebabkan oleh puasa kerana Aku. Dan Aku juga akan mengganjarinya, yang mana satu kebaikan (akan dibalas) dengan sepuluh kali (ganda) seperti..."

Menurut Ibnu Hajar (1988), lafaz *jahil* dalam hadis di atas ditafsirkan sebagai perbuatan yang sering dilakukan oleh orang-orang yang jahil. Beliau memberikan contoh perbuatan tersebut, seperti berteriak-teriak, mencaci-maki, dan tindakan-tindakan negatif lainnya yang mencerminkan kebodohan dalam berinteraksi. Ibnu Hajar menjelaskan bahawa sifat-sifat seperti ini adalah ciri tipikal bagi orang yang tidak memiliki pengetahuan yang benar, yang cenderung bertindak mengikut emosi atau tanpa pertimbangan yang rasional. Oleh itu, lafaz *jahil* dalam hadis ini merujuk kepada sikap dan perbuatan yang mencerminkan kebodohan atau ketidaktahuan, yang bukan sahaja melibatkan ketiadaan ilmu, tetapi juga tercermin dalam akhlak dan tingkah laku individu tersebut. Hal ini menekankan bahawa kebodohan bukan hanya soal ilmu, tetapi juga pengaruhnya terhadap cara seseorang berfikir, bertindak, dan berinteraksi dengan orang lain.

Hadis seterusnya yang mempunyai lafaz *jahil* di dalam teks hadis ialah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Hadith ke-1294 dalam kitab *al-Janaa'iz*, bab *Laisa Minna Man Syaqqal Juyub*,

حَدَّثَنَا أَبُو نَعِيمٍ، حَدَّثَنَا سَفِيَّانُ، حَدَّثَنَا زَيْدُ الْيَامِي، عَنْ إِبْرَاهِيمَ، عَنْ مَسْرُوقٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ — رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ — قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَطَمَ الْخُدُودَ، وَشَقَّ الْجُيُوبَ، وَدَعَا بِدَعْوَى الْجَاهِلِيَّةِ".

Maksudnya: "...Abu Nu'aim telah memberitahu kepada kami, dia berkata, Sufyan telah memberitahukan kepada kami, dia berkata, Zubaid Al-Yamani telah memberitahukan kepada kami, dari Ibrahim dari Masruq, dari Abdullah Radhiyallahu Anhu, bahawasanya dia berkata, Nabi SAW bersabda, "Bukan termasuk golongan kami orang yang menampar-nampar pipi, merobek leher baju dan menyeru dengan seruan jahiliyah..."

Ibnu Hajar (1988) berpendapat, istilah *jahil* dalam hadis di atas merujuk kepada golongan Jahiliah, sebagaimana yang dinyatakan dalam riwayat Imam Muslim, di mana lafaz tersebut ditafsirkan sebagai *ahli Jahiliah*. Istilah ini bukan sekadar merujuk kepada individu yang hidup dalam era sebelum kedatangan Islam, tetapi juga menggambarkan perbuatan dan amalan yang mencerminkan kejahilan, seperti mencaci-maki diri sendiri dengan kata-kata kesat, meratap secara berlebihan (*nudbah*), serta menyesali sesuatu kejadian dengan ungkapan yang tidak wajar. Tindakan ini mencerminkan sikap tidak rasional dalam menghadapi ujian dan musibah, yang bertentangan dengan prinsip kesabaran dan ketabahan dalam Islam. Sementara itu, Muhammad (2010) turut menjelaskan bahawa lafaz *jahil* dalam hadis ini merujuk kepada golongan yang hidup pada zaman Jahiliah, iaitu masyarakat yang belum menerima cahaya Islam dan masih berpegang kepada kepercayaan serta adat yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Beliau menegaskan bahawa maksud sebenar lafaz *jahil* dalam konteks ini adalah seruan Jahiliah, iaitu seruan yang mengandungi unsur kehancuran dan kebinasaan. Contoh seruan yang dikemukakan termasuk ungkapan seperti "*Hancurlah diriku*," atau "*Binasalah aku*," yang mencerminkan keputusasaan dan kekecewaan melampau dalam menghadapi musibah. Individu yang mengungkapkan kata-kata ini seolah-olah sedang mendoakan kebinasaan terhadap dirinya sendiri sebagai reaksi terhadap dugaan yang menimpanya, seakan-akan menyatakan bahawa dirinya tidak lagi mampu menanggung kesulitan tersebut. Dalam konteks yang lebih luas, konsep *jahil* dalam hadis ini bukan sekadar mencerminkan ketidaktahuan terhadap ilmu agama, tetapi juga merangkumi sikap dan mentaliti negatif yang bertentangan dengan ajaran Islam. Islam mengajarkan umatnya untuk menghadapi ujian dengan kesabaran dan keyakinan kepada ketentuan Allah SWT, bukannya dengan menyerah kepada keputusasaan atau bertindak secara emosional tanpa bimbingan ilmu yang benar. Oleh itu, memahami maksud *jahil* dalam konteks hadis ini membantu dalam membentuk peribadi Muslim yang lebih matang, rasional, dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran kehidupan.

Hadis seterusnya yang mempunyai lafaz *jahil* adalah sebuah lagi hadis sahih yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, hadith ke 7054, kitab *Al-Fitna*, bab, *Qawlin Nabiiyyi Sallallahu Alaihi Wasallam Satarawna Ba'di Umuran Tunkirunaha* iaitu,

حَدَّثَنَا أَبُو النُّعْمَانِ، حَدَّثَنَا حَمَادُ بْنُ زَيْدٍ، عَنِ الْجَعْدِ أَبِي عَثْمَانَ، حَدَّثَنِي أَبُو رَجَاءِ
الْعَطَّارِيُّ، قَالَ سَمِعْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ — رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا — عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ قَالَ "مَنْ رَأَى مِنْ أَمِيرِهِ شَيْئًا يَكْرَهُهُ فَلْيَصْبِرْ عَلَيْهِ، فَإِنَّهُ مِنْ فَارِقِ الْجَمَاعَةِ شَبْرًا
فَمَا تَ، إِلَّا مَا تَ مَيْتَةً جَاهِلِيَّةً."

Maksudnya: "...Abu An-Nu'man memberitahu kami, Hammad bin Zaid memberitahu kami, dari Al-Ja'd Abu Uthman, Abu Raja' al-Attardi memberitahuku, dia berkata aku mendengar Ibn Abbas RA, dari Nabi SAW bahawa Baginda bersabda: Barangsiapa yang melihat daripada pemimpinnya sesuatu yang tidak disukainya maka hendaklah dia bersabar ke atasnya, kerana

sesungguhnya barangsiapa yang berpisah dari jemaah meskipun sejengkal lalu dia meninggal dunia, maka (tidaklah dia mati) melainkan mati (dalam keadaan) Jahiliyyah..."

Menurut Ibnu Hajar (1988), lafaz *jahil* dalam hadis ini ditafsirkan sebagai merujuk kepada golongan Jahiliah, yang digunakan sebagai bentuk kiasan bagi menggambarkan keadaan seseorang yang meninggal dunia dalam keadaan terpisah daripada jemaah Islam. Keadaan ini menyerupai keadaan masyarakat Jahiliah yang hidup tanpa kepemimpinan yang berlandaskan syariat. Dalam konteks ini, seseorang yang meninggal dalam keadaan sedemikian bukanlah bermakna dia mati dalam kekufuran, tetapi dia berada dalam keadaan kesesatan akibat tidak mempunyai pemimpin yang ditaati. Asy-Syaukani (2006) turut menjelaskan bahawa maksud berpisah daripada jemaah dalam hadis ini merujuk kepada individu yang menderhaka kepada pemimpin selagi mana kepemimpinan tersebut tidak bertentangan dengan ajaran Islam, serta mereka yang bertindak memerangi pemimpin secara tidak sah. Ibnu Hajar (1988) turut menukilkan pandangan al-Karmani yang menyatakan bahawa kematian dalam keadaan Jahiliah merujuk kepada keadaan seseorang yang meninggal dalam keadaan tidak berpegang kepada kepemimpinan yang sah, bukan semata-mata dalam keadaan kafir.

Asy-Syaukani (2006) pula menegaskan bahawa individu yang meninggal dalam keadaan sedemikian diibaratkan sebagai mereka yang berada dalam kesesatan, tanpa bimbingan kepemimpinan yang sah dan bukan dalam keadaan kufur secara mutlak. Hal ini menggambarkan bahawa kesetiaan kepada kepemimpinan yang berlandaskan syariat Islam adalah asas kepada kestabilan masyarakat, dan keengganan untuk mengikuti kepemimpinan yang sah boleh membawa kepada perpecahan yang berbahaya. Konsep ini juga boleh dikaitkan dengan fenomena sesetengah kumpulan yang enggan mengiktiraf pemerintah yang sah dan memilih untuk bertindak secara melampau, seperti gerakan yang menghasut masyarakat untuk menentang pemerintah tanpa alasan yang syarie. Sikap seperti ini tidak hanya mengancam kestabilan dan keselamatan manusia tetapi juga bertentangan dengan prinsip Islam yang menekankan kepatuhan kepada kepemimpinan selagi mana mereka tidak mengingkari syariat.

Berdasarkan analisis ulama hadis terhadap istilah "jahil" dalam pelbagai hadis Nabi Muhammad SAW, dapat disimpulkan bahawa lafaz "jahil" membawa makna yang berbeza-beza mengikut konteks sesuatu hadis. Dalam hadis pertama, ulama menafsirkan "jahil" sebagai kebodohan yang berleluasa dalam masyarakat akibat ketiadaan ilmu. Dalam hadis kedua, ia merujuk kepada manusia yang jahil tetapi diberi kuasa sebagai hakim, yang akhirnya membawa kepada kesesatan dan penyesatan. Hadis ketiga pula menggambarkan "jahil" sebagai ketidaktahuan atau kebodohan secara umum, manakala hadis keempat menonjolkan sifat-sifat golongan jahil seperti berteriak, mencaci-maki, dan bertindak secara tidak rasional. Seterusnya, dalam hadis kelima, "jahil" ditafsirkan sebagai sikap masyarakat Jahiliah yang menggunakan seruan kehancuran seperti "Hancurlah diriku" dan "Binasalah aku," yang mencerminkan keputusan melampau. Akhir sekali, dalam hadis keenam, "jahil" merujuk kepada keadaan seseorang yang meninggal dalam keadaan derhaka kepada pemimpin yang sah, yang diibaratkan seperti kematian dalam zaman Jahiliah.

Dapat disimpulkan bahawa istilah "jahil" dalam hadis-hadis Nabi bukan hanya membawa maksud bodoh atau tidak tahu, tetapi juga meliputi pelbagai aspek lain seperti ketidaktahuan terhadap kebenaran, kejahilan dalam tindakan, sikap tidak rasional, serta penolakan terhadap kepemimpinan yang sah. Ini selari dengan tafsiran lafaz "*al-jahl*" dalam al-Quran yang turut mencerminkan variasi makna bergantung

kepada konteks, sama ada sebagai ketidaktahuan, kebodohan yang disengajakan, atau keingkaran meskipun telah mengetahui kebenaran.

Secara keseluruhannya, variasi penggunaan perkataan "jahil" dalam al-Quran dan hadis menekankan pelbagai aspek kebodohan, sama ada berupa ketidaktahuan, kesesatan dalam masyarakat, atau tindakan yang tetap dilakukan walaupun sudah mengetahui akibat buruknya. Pemahaman yang lebih mendalam tentang tafsiran ini membantu kita memahami bagaimana al-Quran dan hadis menggambarkan kebodohan dalam pelbagai konteks. Dari perspektif pendidikan Islam, kajian ini memberi kesedaran kepada umat Islam akan pentingnya ilmu pengetahuan sebagai benteng daripada kejahilan dan kesesatan.

Justeru, pendidikan Islam dalam konteks ini secara khusus telah menyediakan teras pembentukan Islam yang holistik. Ia tidak terhad kepada fungsinya sebagai wahana penyampaian ilmu, bahkan menggalas tanggungjawab besar dalam membina akhlak mulia dan menyuburkan iman yang teguh. Ia menjadi instrumen penting dalam membentuk individu yang mampu mengenal kebenaran, memahami dan menghayati wahyu Ilahi serta mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh dalam segenap aspek kehidupan. Dalam kerangka yang menyeluruh ini, pendidikan Islam berperanan sebagai pelantar yang mengintegrasikan ilmu, sahsiah dan spiritualiti dalam membina insan seimbang dan berakhlak.

Salah satu tanggungjawab asasi pendidikan Islam ialah membendung *al-jahl*, iaitu kejahilan yang bukan sekadar bererti ketiadaan ilmu, bahkan mencakupi kekeliruan dalam memahami hakikat kehidupan, kekaburan nilai, dan kesesatan pemikiran. Kejahilan ini menjadi punca kepada pelbagai keruntuhan rohani dan sosial termasuk penyimpangan akidah, kecenderungan kepada ekstremisme, serta kelemahan dalam membuat pertimbangan moral dan etika. Justeru, pendidikan Islam yang berteraskan wahyu dan diperkukuh dengan akal yang waras menjadi mekanisme yang ampuh dalam mengangkat martabat insan daripada belenggu kejahilan kepada pencerahan rohani dan intelektual.

Institusi pendidikan Islam seperti pondok, madrasah dan sekolah agama telah memainkan peranan penting dalam mengekang gejala kejahilan. Melalui pendekatan pengajaran yang menyepadukan *naqli* dan *'aqli*, pelajar dibimbing untuk memahami ilmu secara holistik, serta mengamalkan nilai murni dalam kehidupan seharian. Hasilnya, lahirah individu yang tinggi sifat empatinya, rendah kesombongannya dan matang dalam membuat keputusan. Pandangan alam tauhidik yang diketengahkan oleh para ilmuwan Islam pula menjadi asas kepada kefahaman yang jernih dan kesedaran hakiki terhadap peranan manusia sebagai khalifah di muka bumi.

Dalam era globalisasi yang menyaksikan pelbagai bentuk serangan pemikiran dan penyebaran maklumat yang tidak ditapis, pendidikan Islam berfungsi sebagai benteng pertahanan yang mencegah penularan fahaman yang menyeleweng. Kejahilan terhadap asas-asas agama merupakan antara punca utama kepada kerentanan umat Islam terhadap pemikiran ekstrem, liberal, atau sekular yang melampaui batas. Maka, pengukuhan terhadap ilmu usuluddin, fiqh dan akhlak merupakan prasyarat untuk memastikan umat Islam tidak terjebak dalam belenggu kejahilan yang membawa kepada penyelewengan dan kerosakan akidah.

Pendidikan Islam kontemporari juga perlu terus berkembang dengan memperkenalkan pendekatan dan inovasi baharu, tanpa mengabaikan prinsip asasnya. Inisiatif seperti pengajaran berbantuan teknologi moden, pengintegrasian ilmu sains dan agama, serta pembangunan model pendidikan berasaskan pembangunan sahsiah dan spiritualiti membuka ruang yang luas untuk memerangi kejahilan dengan lebih berkesan. Model pendidikan yang menggabungkan ilmu syariah, sains kontemporari dan pembentukan peribadi unggul menjadi acuan untuk

melahirkan individu yang bukan sahaja cemerlang di peringkat duniawi, malah sejahtera dari sudut ukhrawi. Maka, pendidikan Islam perlu terus diperjuangkan sebagai:

- a) Alat penyucian jiwa daripada kejahilan dan kesesatan;
- b) Penapis nilai terhadap anasir pemikiran yang menyeleweng;
- c) Jambatan penghubung antara tuntutan duniawi dan ukhrawi.

Kejayaan pelaksanaan pendidikan Islam yang menyeluruh ini harus diukur bukan sahaja melalui pencapaian akademik, tetapi juga melalui Indeks Kerohanian dan Tahap Penghayatan Amalan agar keseimbangan antara kompetensi dan karakter dapat dicapai. Sebagaimana yang dinyatakan dalam laporan institusi keagamaan negara, pendidikan Islam yang sebenar bermatlamat melahirkan *insan kamil*, iaitu individu yang menjelmakan sifat-sifat ketuhanan dalam kehidupan manusiawi serta menyumbang kepada pembangunan peradaban yang berteraskan maqasid syariah. Dengan itu, pendidikan Islam merupakan tonggak utama dalam usaha membendung *al-jahl*, membina masyarakat celik agama, dan menegakkan tamadun berasaskan ilmu, akhlak dan ketuhanan. Pendekatan ini bukan sahaja relevan, bahkan amat mustahak dalam menghadapi cabaran masyarakat moden yang semakin kompleks dan mencabar.

4.0 AL-JAHL DALAM ISLAM, UNDANG-UNDANG DAN KESELAMATAN NEGARA

Islam menentang kejahilan kerana sifat tersebut memberi implikasi negatif yang signifikan terhadap kehidupan manusia, termasuk mengakibatkan kemusnahan serta kerugian yang bukan sahaja menjejaskan individu, tetapi juga masyarakat dan negara (Yazid, 2021). Kejahilan juga berfungsi sebagai halangan utama terhadap kemajuan. Sehubungan dengan itu, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yazid (2021), setiap individu mempunyai kewajipan untuk melaksanakan tanggungjawab dalam membangunkan kehidupan serta memakmurkan alam ini. Tanggungjawab ini secara eksklusif terletak pada manusia kerana makhluk lain yang diciptakan oleh Allah tidak memiliki kelengkapan persediaan seperti manusia untuk melaksanakannya. Walau bagaimanapun, akibat daripada sifat kejahilan, majoriti manusia gagal untuk menunaikan tanggungjawab tersebut dengan sempurna. Tanggungjawab ini selari dengan amanah memelihara alam dan seisi kandungannya seperti yang difirmankan oleh Allah dalam Surah al-Ahzab ayat 72 yang bermaksud:

"...Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-gunung (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya), dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan..."

Islam menegaskan bahawa menuntut ilmu adalah satu kewajipan ke atas setiap individu tanpa mengira jantina, kedudukan sosial, atau latar belakang. Tuntutan ini bukan sekadar anjuran, tetapi suatu keperluan asas dalam kehidupan manusia untuk memastikan kesejahteraan individu, keharmonian masyarakat, serta kemajuan bangsa dan negara. Ilmu yang benar bukan sahaja membentuk pemikiran yang matang dan rasional, tetapi juga menjadi benteng utama dalam menangkis

ancaman pemikiran ekstremisme dan radikalisme yang semakin berleluasa dalam masyarakat moden. Pengabaian ilmu atau kejahilan, dalam konteks yang lebih kompleks, bukan sahaja memberi kesan negatif terhadap perkembangan peribadi individu, malah membawa implikasi yang signifikan dalam aspek perundangan dan keselamatan negara. Dari segi perundangan, individu yang tidak memahami hak dan tanggungjawabnya sebagai warganegara berisiko tinggi untuk melanggar undang-undang, sama ada secara sedar atau tidak. Dalam hal ini, kejahilan terhadap peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa meningkatkan kemungkinan individu terjebak dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang (Al-Ghazali 2005; Sidek Baba 2018; Ahmad Munawar 2021).

Dari perspektif keselamatan negara, kejahilan sering menjadi faktor pendorong utama dalam penyebaran ideologi ekstremisme dan radikalisasi, yang boleh mengancam kestabilan dan keselamatan negara. Antara implikasi utama kejahilan terhadap undang-undang adalah seperti berikut:

1. Penglibatan dalam jenayah tanpa sedar

Kejahilan boleh menyebabkan seseorang terlibat dalam jenayah seperti penyebaran maklumat palsu, penipuan, atau pemilikan bahan-bahan terlarang tanpa menyedari implikasi undang-undang yang bakal dihadapi. Sebagai contoh, penyebaran berita palsu mengenai isu keselamatan negara boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 (Akta 15) atau Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) (Majlis Keselamatan Negara, 2019). Pendidikan undang-undang adalah penting bagi membendung perkara ini daripada terus berlaku (BERNAMA, 2023).

2. Eksploitasi oleh pihak berkepentingan

Individu yang jahil mudah dimanipulasi oleh pihak tertentu untuk melakukan kesalahan undang-undang seperti penyeludupan, pengubahan wang haram, dan penyertaan dalam kumpulan haram atau organisasi pengganas. Mereka mungkin direkrut untuk menyertai kegiatan ini tanpa memahami kesannya kepada keselamatan negara (Khairul Anuar Mastor et al., 2023). Kajian turut menunjukkan bahawa kejahilan terhadap ajaran agama sebenar mendedahkan seseorang kepada eksploitasi kumpulan ekstremis (Mohd Afandi Salleh et al., 2023).

3. Kegagalan menunaikan kewajipan sebagai warganegara

Kejahilan mengenai hak dan tanggungjawab sebagai rakyat boleh menyebabkan individu mengabaikan kewajipan seperti pembayaran cukai, pematuhan undang-undang syariah, atau tanggungjawab sosial dalam menjaga keharmonian masyarakat. Ini boleh memberi kesan kepada kecekapan sistem pentadbiran dan perundangan negara (Utusan Malaysia, 2023).

Jelasnya, kejahilan adalah salah satu punca utama yang mendorong peningkatan aktiviti ekstremisme dan radikalisme, yang berpotensi menggugat kestabilan negara. Individu yang kurang pengetahuan atau pemahaman terhadap isu-isu sosial, agama, dan politik mudah terpengaruh oleh ideologi ekstrem yang boleh merosakkan keharmonian masyarakat. Keadaan ini memudahkan penyebaran fahaman yang menyimpang, sekali gus meningkatkan risiko ancaman terhadap keselamatan negara (Kamaluddin et al., 2023). Antara implikasi kejahilan terhadap keselamatan negara dapat dilihat dalam beberapa aspek berikut:

4. Penyebaran ideologi ekstremisme

Individu yang jahil mengenai ajaran Islam yang sebenar lebih mudah terpengaruh dengan propaganda kumpulan pelampau yang menggunakan agama sebagai justifikasi untuk melakukan keganasan. Mereka mungkin terlibat dalam aktiviti keganasan seperti pembiayaan kumpulan ekstremis atau penyebaran ideologi radikal tanpa memahami bahawa tindakan mereka boleh dikenakan hukuman di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) (Mohd Afandi Salleh et al., 2023).

5. Ancaman kepada keharmonian masyarakat

Kejahilan terhadap kepelbagaian budaya dan agama dalam negara boleh menyebabkan seseorang mudah terpengaruh dengan fahaman ekstrem yang menggalakkan kebencian terhadap kaum atau agama lain. Ini boleh mencetuskan ketegangan sosial, provokasi, dan rusuhan yang mengancam keselamatan awam serta perpaduan nasional (Kamaluddin et al, 2023).

6. Penglibatan dalam aktiviti subversif

Kejahilan juga boleh menyebabkan seseorang terlibat dalam aktiviti yang menggugat kestabilan negara, seperti menyokong gerakan separatist, menyebarkan ideologi anti-kerajaan, atau bersekongkol dengan pihak luar untuk melemahkan institusi negara. Kegiatan ini boleh dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan nasional dan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) sebelum dimansuhkan dan digantikan dengan SOSMA (Majlis Keselamatan Negara, 2019).

Dalam hal ini, bagi memastikan individu tidak terjerumus dalam pelanggaran undang-undang atau menjadi ancaman kepada keselamatan negara akibat kejahilan, pendidikan memainkan peranan yang sangat penting. Pendidikan Islam, khususnya, bukan sahaja berfungsi membentuk iman, akhlak, dan pemikiran kritis, malah membantu masyarakat memahami hak dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara. Oleh itu, sistem pendidikan perlu sentiasa disemak dan diperkasakan untuk memastikan ia relevan dalam menangani cabaran semasa, termasuk ancaman ideologi ekstrem dan radikal. Pendidikan yang holistik dan inklusif dapat membimbing masyarakat untuk menilai maklumat secara kritis dan bertindak secara rasional. Dengan itu, usaha membanteras kejahilan melalui pendidikan yang berkualiti dan pemerkasaan undang-undang amat penting bagi melindungi masyarakat dan negara daripada ancaman yang berpunca daripada kejahilan.

5.0 KESIMPULAN

Istilah *jahil* dalam al-Quran dan hadis merangkumi spektrum makna yang luas dan mendalam, bergantung pada konteks ayat atau hadis yang digunakan. Dalam wacana al-Quran, ia bukan sekadar merujuk kepada ketiadaan ilmu pengetahuan, bahkan mencakupi tindakan yang tidak bersandarkan kepada prinsip kebenaran dan kaedah yang sahih. Istilah ini turut menggambarkan era jahiliah, suatu zaman yang dicela kerana penyimpangannya daripada ajaran wahyu. Dalam konteks hadis, istilah *jahil* membawa pelbagai konotasi yang melangkaui sekadar ketiadaan ilmu pengetahuan. Ia turut merangkumi kebodohan yang berleluasa dalam kalangan individu atau masyarakat, kekasaran lisan seperti mencaci dan berteriak tanpa adab, serta penolakan terhadap kepimpinan yang sah, selagi mana

kepimpinan tersebut tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip syariat Islam. Ini menunjukkan bahawa kejahilan dalam hadis bukan sahaja merujuk kepada kelemahan intelektual, tetapi juga kepada kecelaruan akhlak dan penyelewengan sikap yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Kejahilan bukanlah isu peribadi semata-mata, sebaliknya merupakan ancaman yang bersifat struktural dan sistemik. Ia memberi implikasi langsung terhadap pembentukan jati diri individu, keharmonian sosial, serta kestabilan politik dan keselamatan negara. Kejahilan berpotensi membuka ruang kepada infiltrasi pemikiran ekstrem, radikalisme agama, dan keruntuhan nilai yang boleh merobek ketenteraman masyarakat. Justeru, pendidikan Islam berperanan sebagai benteng utama dalam menangani gejala kejahilan ini. Melalui pendekatan pendidikan yang berlandaskan wahyu, bersifat holistik, dan berotoriti, pendidikan Islam bukan sahaja memperkukuh kefahaman terhadap tafsiran al-Quran dan hadis, tetapi juga membina keupayaan intelektual pelajar untuk menganalisis isu secara kritis, menyaring maklumat secara objektif, serta menangkis sebarang bentuk penyelewengan pemikiran. Dalam konteks ini, kelompok sasaran yang akan menerima manfaat langsung daripada perbincangan ini ialah para guru Pendidikan Islam. Sebagai agen perubahan yang berperanan mendidik dan membentuk pemikiran generasi muda, mereka perlu diperengkap dengan kefahaman mendalam terhadap konsep *jahl* dan segala implikasinya. Pemahaman ini akan memperkasa peranan mereka dalam menyampaikan ajaran Islam secara tepat, membina daya tahan intelektual dalam kalangan pelajar, dan menyumbang kepada usaha mengekalkan kestabilan serta keharmonian negara melalui pendidikan yang berteraskan wahyu dan nilai-nilai murni Islam.

6.0 RUJUKAN

Al-Quran.

- Abdullah Basmeih. 2001. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran. Kuala Lumpur: Darul fikir.
- Abdul Rahman, U. 2016. Konsep Jahl Dalam Al-Qur'an. Rayah al-Islam 1(1): 52–67.
- Abu Ath-Thayib Muhammad Syamsul Haq Al Azhim, A. 2007. Aunul Ma'bud: Syarah Sunan Abu Daud. (Asmuni, Trans.). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Ahmad Munawar Ismail, Wan Kamal Mujani & Kartini Aboo Talib @Khalid. 2023. Understanding the Legal Framework of Extremism in Malaysia. International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development. Vol. 12(1) 2023.
- Ahmad Munawar Ismail. 2021. Islam dan Ekstremisme. Bangi: Penerbit UKM
- Al-Alusi, M.S. 2009. Bulugh Al-Arab fi Ma'rifat Ahwal Al-'Arab. Edisi ke-1. Lebanon: Dar al-Kotob al-Ilmiyah.
- Al-Ashfahani, A.-R. 2017. Al-Mufradat fi Gharibil Qur'an. Jawa Barat: Pustaka Khazanah Fawa'id.
- BERNAMA. (2023). Pendidikan undang-undang perlu diperkasa. BERNAMA. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2302800>
- Al-Jazairi, S.A.B.J. 2007. Tafsir Al-Qur'an Al-Aisar. (M. A. Hatim & A. Mukti, Trans.). Jakarta: Darus Sunnah.
- Al-Jurjani, A. ibn M. 2000. Al-Ta'rifat. Beirut: Dar al-Kotob al-Ilmiyah.
- Al-Qurthubi, S.I. 2008. Tafsir Al Qurthubi. (R. Sudi, Fathurrahman, & A. Hotib, Trans.). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Al-Qurthubi, Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakar. 2006. Al-Jami' Li Ahkam al-Quran. Bayrut, Lebanon: Al-Resalah Publishers.
- Al-Zuhaili, W.M. al-Z. 2003. Tafsir al-Munir. Selangor: Telaga Biru.

- An-Nawawi, I. 2013. Syarah Shahih Muslim. (M. Agus, Suharlan, & Suratman, Trans.). Jakarta: Darus Sunnah.
- Al-Qardhawi, Yusuf. 1990. Al-Iman wal-Hayah. Al-Qaherah: Matbaah Wahbah.
- As-Syaukani, A.-I.M. bin A. bin M. 2009. Tafsir Fathul Qadir. (F. Amir Hamzah & S. Asep, Trans.). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Asy-Syaukani, B.A. 2006. Nail al-Authar syarh Muntaqa al-Akhbar. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Ath-Thabari, A.J.M. bin J. 2008. Tafsir Ath-Tabari. (Akhmad Affandi, Benny Sarbeni, Abdul Somad, & Yusuf Hamdani, Trans.). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Hamka, S.A.M.B.A.K.A. 2013. Tafsir Al-Azhar. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Ghazali, Abu Hamid ibn Muhammad. 2005. Ihya' Ulumuddin (Jilid 1). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Ibnu 'Abbas, A. bin A. bin A.M. bin H. bin A.M. al Q. al H. 2011. Tafsir Ibnu 'Abbas. (S. A. Ubaidillah, Trans.). Batu Caves: Al-Hidayah House Of Quran.
- Ibnu Hajar, al-A. 1988. Fathul al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari. Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Ibnu Kathir, I.A. al-F.I.I. 'Umar. 1988. Tafsir Al-Quran Al-Azim. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Kamus Dewan. 2007. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Anuar Mastor, et al. (2023). Ekstremisme dalam kalangan belia berpendidikan tinggi di Malaysia. *Kemanusiaan*, 41(2). <https://web.usm.my/>
- M. Yusron, S. & Moh Zainuri, F. 2021. Kontekstualisasi Makna Jahiliyah Perspektif Sayyid Qutub Dalam Kitab Fi Zilal Al-Qur'an. *HIKAMI : Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir* 2(2): 40–52.
- Majlis Keselamatan Negara. (2019). Dasar keselamatan negara. Jabatan Perdana Menteri. https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Bahasa_Melayu-DASAR_KESELAMATAN_NEGARA.pdf
- Muhammad bin Shalih, A.-U. 2010. Syarah Shahih Al-Bukhari. Jakarta: Darus Sunnah.
- Mohd Afandi Salleh, et al. (2023). Analisis fahaman ekstremis agama dan media sosial di Malaysia. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 25(1), 51–77. <https://spaj.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/view/51/77>
- Sayyid Quthb. 1992. Tafsir Fi Zhilalil Quran. (Y. As'ad, B. Abdrtl Aitz Salim, & H. Muchotob, Trans.). Beirut: Dar al-Syuruq.
- Sidek baba. 2018. Pemikiran Kritis dalam Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ibn Abd Al-Karim Shahrastani & Muhammad Riza Jalali Na'ini. Al-Milal wa al-Nihal. 2016. Bayrut, Lubnan: Daar al-Ma'rifah.
- Shihab, M.Q. 2002. Tafsir Al Mishbah. Jakarta: Lentera Hati.
- Soleh ibn Abdullah, ibn H. 2007. Nadhrat an-Na'im fi Makârim al-Akhilâq ar-Rasûl al-Karîm. Saudi Arabia: Dar al-Wasilah.
- Utusan Malaysia. (2023). Ekstremisme gugat kestabilan negara. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/rencana/2023/04/ekstremisme-gugat-kestabilan-negara/>
- Yazid, B.H.M. 2021. Islam Memerangi Kejahilan. Edisi ke-1. Putrajaya: Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia.
- Kamaluddin Nurdin Marjuni, Norarfan bin Haji Zainalb, Rasinah binti Haji Ahimc, Nurjanah binti Haji Dollahd, Masuriyati binti Haji Yahyae, & Rabi'atul Adawiah binti Azman. (2023). Pencegahan ideologi radikalisme dan ekstremisme melalui pendidikan di Malaysia. *Jurnal Abqari*, 25(1). <https://abqarijournal.usim.edu.my/index.php/abqari/article/view/642>